

02 OCT 1998

Mahathir-Anwar

PERDANA MENTERI TIDAK TERLALU MEMILIH MENGENAI BAKAL PENGGANTINYA

JITRA, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak bersikap terlalu memilih mengenai bakal penggantinya.

Katanya bakal penggantinya tidak semestinya seorang yang terlalu warak dan yang membuat perkara yang baik sahaja pada setiap masa.

"Cukuplah seseorang itu membuat sesuatu perkara yang boleh diterima dan diyakini rakyat," katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan setelah menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Falah, Felda Guar Napai dekat sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan masyarakat kampung berhampiran.

Sebelum dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 2 Sept lepas, Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan orang yang ditonjolkan oleh Dr Mahathir sebagai bakal penggantinya.

Dr Mahathir juga menyelar golongan pelajar terutama di institusi pengajian tinggi yang terlalu taksub dalam menyokong Anwar.

"Mereka menganggap Anwar tidak bersalah pada hal mereka tidak kenalpun siapa Anwar," katanya.

Beliau berkata, jika seseorang itu menunjukkan tingkah-laku dan peribadi yang baik, dia sebenarnya mesti berkelakuan baik pada sepanjang masa.

Jika perbuatan baiknya itu dilakukan semata-mata untuk mendapat sokongan, sebenarnya orang itu memang tidak layak menjadi pemimpin, kata beliau.

"Percayalah saya telah mengambil tindakan betul berhubung isu ini," katanya ketika merujuk kepada tindakannya melucutkan Anwar daripada jawatan dalam kabinet.

Bagaimanapun beliau meminta rakyat supaya bersabar dan menyerahkan kepada mahkamah untuk membuat keputusan mengenai kesemua tuduhan salah-laku yang dihadapi Anwar.

"Biarlah dia diadili dengan tenang dan usahlah menimbulkan kacau-bilau."

Mereka yang terlalu taksub dan sayangkan Anwar pun tidak seharusnya lagi membuat sesuatu yang menjejaskan perpaduan sehingga memecah-belahkan umat Islam.

Dr Mahathir seterusnya menyeru supaya setiap masjid dijadikan tempat untuk melakukan segala perkara kebaikan bagi seluruh umat Islam dan bagi kepentingan masyarakat.

Perdana Menteri itu turut memuji khutbah Jumaat yang disampaikan oleh khatib hari ini yang menyeru agar setiap umat Islam berusaha menjadikan masjid sebagai tempat menyeru ke arah kebaikan.

"Masjid haruslah berperanan menyatukan rakyat, bukan tempat memecah-belahkan perpaduan mereka," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MZM MN NMO